


InfoINDUSTRI

Isu 02 | 15 Jun 2012



Brunei Menghargai
Lautan

Menjaga Keselamatan
Perairan Negara

Program Latihan Menyelam
Ekologi Bagi Remaja

Pelancaran Aplikasi
iPad 'Kenali Brunei'

Sekalung Terima Kasih

Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah melancarkan sambutan Hari Lautan Sedunia 2012 di Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin, 11 Jun 2012. Pelancarannya telah dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. Hari Lautan Sedunia yang disambut di seluruh dunia pada 8 Jun setiap tahun itu menekankan sikap menghargai kepentingan yang tidak ternilai khazanah laut dan daya tahannya kepada masyarakat negara ini. Tema sambutan bagi tahun ini ialah '30 Tahun UNCLOS' bagi memperingati ulang tahun ke-30 tahun Konvensyen Mengenai Undang-

Undang Laut 1982, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pelancaran sambutan itu bermula dengan ucapan oleh tetamu kehormat, diikuti dengan pelancaran buku *Field Guide to Reef-Building Corals of Brunei Darussalam*. Kemudian, diadakan penyampaian sijil Latihan Menyelam Ekologi Bagi Remaja kepada seramai 13 pelajar, dan penyampaian sijil penghargaan kepada 15 sukarelawan penyu dan hadiah diberikan kepada pemenang peraduan *Beach Bunch*. Sebagai tanda belas kasihan terhadap hidupan marin, tetamu kehormat bersama pelajar yang hadir telah melepaskan anak penyu, sebelum merasmikan bangunan baru Pusat Biodiversiti Marin di Meragang.



KPSSU melancarkan
Hari Lautan Sedunia 2012
di Negara Brunei Darussalam
pada hari Isnin, 11 Jun 2012




Brunei Menghargai LAUTAN

Kompleks Perikanan Muara telah menganjurkan seminar pada 11 jun 2012 bersempena sambutan Hari Lautan Sedunia. Seramai 100 peserta yang terdiri daripada pegawai kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan pelajar menyertai seminar itu. Turut hadir ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Dua kertas kerja telah disampaikan oleh dua penceramah undangan, iaitu Roger McManus yang juga pakar IUCN dari Amerika Syarikat dan Profesor Richard Kendington dari Universiti Wollongong, Australia. Bertajuk *Benefits of a Network of No-Take Marine Protected Areas* dan *Managing Tropical Marine Eco-System in the Great Barrier Reef and South East Asia*, kedua-dua kertas kerja ini mendorong sesi soal jawab pada penghujung seminar itu.

“ Salah satu langkah untuk melindungi takat-takat termasuk habitatnya ialah melalui penubuhan kawasan-kawasan perlindungan marin (ataupun *marine protected areas*) yang diharapkan dapat memulihkan keadaan hidupan laut dan takat-takat di Negara ini dan seterusnya meningkatkan produktiviti sumber perikanan. ”

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama
Dato Seri Setia Awang Haji Yahya,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama



Menjaga Keselamatan Perairan Negara

Operasi Kembura telah dilancarkan pada hari Ahad, 10 Jun 2012 di Pantai Jerudong. Operasi yang diketuai oleh Jabatan Perikanan itu telah disertai sama oleh beberapa agensi penguatkuasaan dan menasarkan nelayan-nelayan yang menangkap ikan di perairan negara. Operasi yang dilancarkan bersempena Hari Lautan Sedunia itu, juga bertindak untuk mengingatkan semua nelayan supaya sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan, dengan penekanan khusus kepada larangan penggunaan bahan letupan dan bahan beracun untuk menangkap ikan. Operasi ini juga bagi memastikan keselamatan nelayan dan orang ramai, di samping melindungi sumber marin termasuk terumbu karang.

Operasi bersepadan itu dihasratkan untuk mengetengahkan pentingnya mematuhi jarak 500 meter zon keselamatan di sekitar struktur gas dan minyak luar pantai, serta memastikan semua peraturan dan akta yang membabitkan pekerja asing dipatuhi.

BRUNEI MENYAMBUT Hari Metrologi Sedunia!



Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Metrologi Sedunia buat kali pertama pada 9 Jun 2012 di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Acara yang dianjurkan oleh Pusat Standard Kebangsaan itu telah dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Disambut oleh lebih daripada 80 negara di serata dunia, Hari Metrologi Sedunia yang

disambut pada setiap 20 Mei, bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dan peranan metrologi dalam kehidupan sehari-hari.

Antara acara sambutan itu termasuk:

1. Persembahan klip video mengenai sambutan Hari Metrologi Sedunia
2. Taklimat oleh penceramah undangan mengenai:
 - a. 'Peranan Metrologi dalam Infrastruktur Kualiti Kebangsaan' oleh wakil dari Program Metrologi Asia Pasifik (APMP), YM Abdul Rashid bin Haji Zainal Abidin
 - b. 'Metrologi Undang-undang – Kaedah bagi Memastikan Perdagangan yang Adil dan Perlindungan Pengguna' oleh wakil Jawatankuasa Perunding ASEAN mengenai Kualiti dan Standard, YM Dr Wan Abdul Malik Wan Mohamed
3. Anugerah penghargaan kepada agensi yang terlibat dalam aktiviti metrologi di Negara Brunei Darussalam
4. Penyampaian anugerah kepada individu yang telah menyumbang ke arah kemajuan metrologi di Negara Brunei Darussalam
5. Pameran oleh agensi yang mengambil bahagian



“Sukatan dan timbangan secara tidak langsung merupakan satu perkara penting dalam kehidupan kita seharian. Ianya berhubung kait dengan kualiti kehidupan seperti kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan juga kualiti permakanan. Untuk memenuhi keperluan-keperluan ini, infrastruktur metrologi melalui agensi-agensi yang berkaitan sedang giat dibangunkan.
”


Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Program Latihan Menyelam Ekologi Bagi Remaja

Program latihan menyelam ekologi bagi remaja telah dianjurkan oleh Jabatan Perikanan dengan kerjasama Yayasan Reef Check dari Amerika Syarikat, mulai 1 hingga 5 Jun 2012. Seramai 13 penuntut dari Sekolah Antarabangsa Jerudong dan Pusat Tingkatan Enam Meragang terpilih untuk menyertai program berkenaan.

Pada hari keempat program berkenaan, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar telah ikut serta bersama penuntut dalam aktiviti Reef Check yang diadakan di Pulau Pilon-Pilon. Sepanjang program itu taklimat kepada penuntut telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif Reef Check, Dr Gregor Hodgson.

Peserta yang menamatkan program itu akan dapat menjalankan penyelidikan bersama Jabatan Perikanan di Negara Brunei Darussalam dan juga negara-negara lain. Sebagai sebahagian daripada aktiviti Reef Check, data yang dikumpulkan oleh penyelam yang baru mendapat tauliah tidak hanya akan digunakan di Negara Brunei Darussalam, malah akan digunakan bagi inisiatif perlindungan terumbu karang global yang dijalankan oleh organisasi itu.



Diari KPSSU

JUN 5 Pelancaran Aplikasi iPad 'Kenali Brunei'

Pelancongan Brunei melancarkan aplikasi iPad 'Kenali Brunei' di iCentre, Berakas pada 5 Jun 2012. Hadir pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif Pelancongan Brunei, Sheikh Jamaluddin Sheikh Mohamed.

Aplikasi yang dicipta oleh pereka aplikasi telefon bimbit tempatan, MeSixty, mempunyai ciri-ciri:

1. Panduan terperinci mengenai tempat penginapan, membeli belah, menikmati makanan enak dan untuk lawatan
2. Kandungan secara interaktif seperti papan suara ungkapan dalam Bahasa Melayu dan penelitian imej mengenai peralatan tempatan secara 360 darjah
3. Pilihan gambar dan video mengenai lokasi pelancongan yang berkualiti tinggi
4. Panduan berguna untuk mengembala sekitar Negara Brunei Darussalam, hari cuti umum, adat budaya tempatan dan kemudahan awam
5. Maklumat mengenai panduan pelancongan, ejen pelancongan, pusat membeli belah, hotel dan rumah tumpangan
6. Gambar dan petua (tips) yang dipos oleh pengguna menggunakan Instagram dan Foursquare
7. Integrasi Chatworthy yang membolehkan pengguna bersempang mengenai pos Instagram.



JUN 9 Kempen Kebersihan di Pantai Meragang

Kempen kebersihan pantai anjuran Jabatan Perikanan berlangsung pada sebelah pagi 9 Jun 2012 di Pantai di Meragang. Kakitangan daripada jabatan itu bersama ahli kumpulan alam sekitar tempatan, Beach Bunch, berganding tenaga untuk membersihkan pantai tersebut.

